

05/11/2001

Tiada alasan CF rumah Putrajaya perlu dilewatkan

SESUAI dengan kedudukannya sebagai pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan, warga Putrajaya dikenakan pelbagai syarat. Antaranya, rumah tidak dibenarkan dipagar dan tiada jeriji besi. Menyidai pakaian secara yang mencacatkan pemandangan juga tidak dibenarkan sama sekali. Semua itu boleh difahami dalam usaha mewujudkan persekitaran yang bersih dan tersusun di samping menggalakkan semangat kejiranan yang semakin terhakis di kalangan warga kota. Namun, apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempersoalkan kelewatan sijil layak menduduki (CF) untuk rumah kediaman di Putrajaya, ia mengundang kehairanan. Umum mengetahui pembangunan di kawasan itu dimajukan syarikat yang diketuai Perbadanan Putrajaya yang turut bertindak sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT). Seharusnya sebarang kelengahan dapat diatasi.

Dengan mengambil kira Putrajaya turut menyediakan kemudahan untuk kakitangan pusat pentadbiran negara, kelulusan CF sepatutnya lebih cepat. Lagipun, Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PHSB), anak syarikat Perbadanan Putrajaya, seharusnya menepati semua syarat teknikal pembinaan untuk mengelakkan sebarang masalah yang boleh melengahkan kelulusannya kemudian. Teguran Perdana Menteri mengenai hanya 28 pengundi yang berdaftar di Putrajaya pula mungkin disebabkan ramai warga kawasan berkenaan sendiri yang belum mengubah kawasan mengundi masing-masing. Mereka seharusnya memanfaatkan semakan daftar pemilih yang dikendalikan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) berikutnya kerana adalah lebih memudahkan buat pengundi berdaftar di kawasan yang mereka diami.

(END)